

CERAMAH TEKNIK TECHNICAL TALK

Geobencana Gempa bumi & Tsunami – Peringatan daripada Al-Quran & Al-Hadis

Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaluddin (Program Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia)

23 Mei 2012

Bangunan Dewan Anuar Makmur, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

Abstrak: “Geobencana” ditakrifkan sebagai proses semulajadi bumi yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kemalangan jiwa, kerosakan harta benda dan ekonomi serta menjejaskan kualiti alam sekitar. Antara jenis geobencana atau bencana alam yang sering kita dengar dari serata dunia termasuklah gempabumi, tsunami, tanah runtuh, letusan gunung berapi, banjir, banjir lumpur, hakisan pantai, tanah mendap, kebakaran hutan dan sebagainya. Kini rekod menunjukkan kejadian geobencana semakin kerap terjadi dan keamatannya semakin tinggi. Apabila berlaku bencana besar kepada alam ini, pemusatan fikiran kita bukan hanya kepada banyak mana kemalangan jiwa atau kerugian hartabenda yang terlibat, malah kepada sebab musabab yang membawa kepada bencana tersebut. Masyarakat di seluruh dunia sibuk membahaskan tentang kekerapan kejadian bencana alam dan merumuskan pelbagai factor penyebab dan pencetusnya. Antara factor penyebab yang paling popular mengikut penjelasan saintis adalah fenomena pemanasan global, perubahan iklim, penipisan lapisan ozon, pertambahan populasi penduduk bumi dan kekurangan sumber bahan bumi. Daripada pelbagai penyelidikan, pelbagai kaedah mitigasi telah dicadangkan sebagai persiapan menghadapi bencana untuk mengurangi risiko bencana. Daripada mitigasi berupa perancangan, polisi, akta, piagam dan garis panduan hinggalah kepada mitigasi berstruktur yang menggembelingkan kemajuan kejuruteraan, sains dan teknologi. Pelbagai persidangan, seminar dan forum dianjurkan saban tahun, terutama selepas bencana gempabumi/tsunami berskala global yang berlaku di Aceh pada 26 Dis 2004, baik diperingkat tempatan, serantau dan antarabangsa. Malangnya, amat sedikit sekali yang cuba mengaitkannya dengan keterangan dan peringatan yang diberikan oleh Allah s.w.t melalui kitab suci Al-Quran dan RasulNya Nabi Muhammad s.a.w.

Ilmu manusia tentang rahsia alam amat terbatas. Al-Quran adalah mukjizat teragung dan merupakan sumber ilmu serta pedoman hidup kepada umat Muhammad s.a.w. Semakin berkembangnya sains dan teknologi kini, para saintis telah banyak membuat penemuan baharu yang semakin membuktikan kebenaran al-Quran. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan kejadian bencana alam, banyak keterangan dan peringatan boleh didapati daripada al-Quran. Kisah-kisah di dalam al-Qur’an ada menceritakan tentang beberapa kaum atau umat nabi-nabi yang terdahulu yang ditimpa bencana yang dahsyat sehingga ada yang terus berkubur bersama-sama tamadun yang mereka bina. Kita mungkin tertanya-tanya apakah bencana ini merupakan fenomena alam semulajadi atau ianya suatu bala yang ditimpakan ke atas manusia? Jawapan kepada persoalan ini cuba dikupas di dalam kertas ini berpandukan kepada keterangan, pengkisahan dan peringatan yang terkandung di dalam al-Quran dan beberapa Hadis yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w.